

# Lebih ramai pasangan muda dijerat hutang

Berusia lewat 20-an, mereka membentuk 10% yang dibantu Pusat Penasihat Hutang AMP sepanjang setahun lalu

► **ATIYYAH MOHD SAID**  
atiyyahm@sph.com.sg

DALAM satu trend yang membimbangkan, semakin ramai pasangan muda Melayu/Islam berusia lewat 20-an tahun dan bergaji \$30,000 setahun menghadapi masalah hutang.

Ramai daripada mereka terjerat dalam hutang dek pinjaman daripada institusi kewangan bagi kad kredit, ubah elok dan pembelian secara ansuran.

Golongan itu membentuk 10 peratus jumlah individu yang dibantu Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) sepanjang setahun lalu.

Ini didedahkan Pengurus Kanan AMP yang juga bertanggungjawab ke atas operasi pusat itu, Cik Hameet Khanee, dalam satu sidang media di pejabat AMP semalam. "Sejak pelancaran DAC pada April ta-

hun lalu, kami mendapati ramai pasangan atau keluarga muda tampil mendapatkan bantuan.

"Sebelum ini, kami banyak menerima mereka yang berumur dalam lingkungan 30-an hingga 40-an tahun, tetapi kini kami dapat melihat lebih ramai mula terjerat dalam masalah hutang pada usia lewat 20-an tahun," ujar beliau.

Pusat itu mendapati 60 peratus daripada mereka yang dibantu mempunyai pengurusan kewangan lemah dan gaya hidup dan jangkaan taraf hidup tinggi, dan 15 peratus daripada mereka berusia lewat 20-an tahun atau 25 tahun ke atas.

Dalam kalangan mereka yang mengalami masalah hutang ekoran pinjaman daripada institusi kewangan bagi kad kredit, ubah elok dan pembelian secara ansuran, 15 peratus berumur lewat 20-an tahun.

"Kami prihatin akan trend ini kerana golongan ini lazimnya mempunyai enam hingga tujuh kad kredit, bermakna ada akses kepada kredit yang banyak.

"Kita perlu mendidik golongan ini tentang cara pengurusan kewangan bijak," kata Cik Hameet.

Penasihat DAC, Encik Sani Hamid, pengarah Pengurusan Kekayaan Financial Alliance, menarik perhatian tentang peratusan tinggi mereka yang meminjam daripada pemiutang berlesen.

"Golongan ini mencecah 67 peratus

dan rata-rata bergaji rendah.

"Keadaan ini harus dipantau kerana dikhuatiri ia akan menjadi teruk dengan lebih banyak sekatan pemerintah ke atas pinjaman serta kewujudan lebih banyak firma pemiutang berlesen," ujarnya.

Antara mereka yang dibantu DAC ialah pasangan suami isteri yang menanggung hutang sebanyak \$60,000 kerana meminjam daripada 30 pemiutang berlesen, selepas si suami diberhentikan kerja dan mendapat pekerjaan baru bergaji lebih rendah.

Dengan bantuan DAC sejak tahun lalu, mereka berjaya melangsaikan hutang pada dua pemiutang.

"Saya lebih berani menghadapi pemiutang yang cuba menakutkan kami. Kami juga ada hak sebagai penghutang," kata bapa empat anak itu, yang sedang mengambil lesen memandu teksi bagi menambah pendapatan.

## 580 dibantu atasi hutang

HAMPIR 600 (580) individu yang mempunyai masalah hutang telah dibantu Pusat Penasihat Hutang (DAC) Angkatan Karyawan Islam (AMP) sejak ia dilancarkan setahun lalu.

Ini hampir tiga kali ganda daripada jumlah sasaran, sekali gus mencerminkan masalah hutang adalah ketara dalam masyarakat Melayu/Islam.

Daripada jumlah itu, 410 kes yang melibatkan nilai hutang melebihi \$12 juta telah diuruskan secara intensif dan disusun di bawah pemantauan DAC.

Bantuan diberi termasuk melakarakan pelan huraian yang mengandungi sekurang-kurangnya tiga pilihan huraian dan kaunseling.

Baki kes adalah bantuan dari segi nasihat kepada pemanggil ke talian *hotline* pusat itu dan tidak memerlukan bantuan susulan.

Hasil bantuan DAC, nilai hutang itu

### SEKILAS DAPATAN DAC AMP

#### Jenis hutang dan penghutang

\* Pemiutang berlesen (67%)  
Jumlah hutang \$2.57 juta

\* Pemiutang tidak berlesen (31%)  
Jumlah hutang \$1.12 juta

\* Institusi kewangan seperti kad kredit, pinjaman renovasi, pembelian secara ansuran (57%)  
Jumlah hutang \$7.73 juta

\* Lain-lain seperti perumahan, bil api air dan bil perubatan (11%) \$635,377

berjaya diturunkan sebanyak 25 peratus kepada sekitar \$9 juta.

Bilangan penghutang menggunakan semua wang gaji bagi membayar hutang turut berkurang kepada 3 peratus berbanding 38 peratus setahun lalu.

Pengarah Eksekutif AMP, Encik Mohd Anuar Yusop, berkata jumlah klien yang dibantu itu sebenarnya sasaran mereka untuk dua tahun.

"Jumlah klien yang melebihi sasaran menandakan masalah hutang di kalangan masyarakat Melayu lebih serius daripada yang difikirkan. Justeru ia akan menjadi antara keutamaan AMP tahun ini," katanya.

Tambah beliau, AMP juga merancang menjadikan pusat itu sebagai sebuah persatuan peringkat nasional tetapi pihaknya belum menetapkan sebarang jangka waktu untuk berbuat demikian.